TAKLIMAT
MINGGU ORIENTASI SEKOLAH
(MOS)

OLEH:

MOHD ROSLAN B. ABD. RAZAK

KETUA UNIT PRAKTIKUM,

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

KAMPUS SULTAN ABDUL HALIM,

08000 SUNGAI PETANI,

KEDAH DARUL AMAN.

MOS

- Mulai dengan KPLI (SR) j-QAF Mode LPBS Ambilan 2006
- Surat BPG ke Pengarah Negeri berkaitan pelaksanaan MOS :**KP (BPG)9561/Jld.73(1)**
- Tempoh : **seminggu**, mulai minggu pertama guru pelatih berada di sekolah.
- Zon A : Kedah, Kelantan, Terengganu (**Tarikh ke sekolah**)
- Zon B : negeri lain (**Tarikh ke sekolah**)

MOS

- Minggu 1 - tidak mengajar.
- Membuat pemerhatian, temubual, perbincangan dengan guru lama
- Menyiapkan tugasan yang diberikan.
- Menyediakan portfolio MOS - Fail keras
- Tugasan pemerhatian dan portfolio diserahkan pada pensyarah tutor masing-masing pada masa interaksi pertama di IPG Kampus Sultan Abdul Halim.
- Gunakan portfolio dan pengalaman di sekolah dalam sesi refleksi di institut.

TUGASAN MOS

Tiga bahagian:

- **Suasana Pengajaran dan Pembelajaran**
- **Kemahiran Mengajar dan Pengurusan**
- **Kemudahan Fizikal dan Peralatan**

- Anda diminta membuat nota ringkas semasa membuat aktiviti ini. **‘Bullet points’** boleh digunakan mengikut kesesuaian.

TUGASAN MOS
(1. Suasana Pengajaran dan Pembelajaran)

A. Alatan Fizikal

Aktiviti 1: Kumpul Data

- Bilangan murid keseluruhan
- Bilangan bilik darjah
- Saiz kelas/ Jumlah murid dalam kelas
- Bilangan guru (lelaki dan Perempuan)
- Nama Sekolah:
- Kedudukan : Bandar atau luar bandar

TUGASAN MOS
(1. Suasana Pengajaran dan Pembelajaran)

B. Suasana Bilik Darjah

Aktiviti 2:

- Lukiskan pelan 2 buah bilik darjah yang anda lawati semasa MOS. Bagi setiap kelas jawab soalan berikut:

TUGASAN MOS
(1. Suasana Pengajaran dan Pembelajaran)

Soalan:

- Nyatakan bagaimana alat hasil pengajaran dan pembelajaran diletakkan di kelas dan bagaimana ianya digunakan?
- Apakah bahan yang murid boleh gunakan apabila mereka memerlukan?
- Sejauh mana pergerakan murid dibenarkan?
- Kenal pasti cara mana murid diletakkan dalam kumpulan?
- Apakah perbezaan yang terdapat pada kedua-dua kelas?
- Apakah yang membuat ianya berbeza?

TUGASAN MOS
(1. Suasana Pengajaran dan Pembelajaran)

- **C. Peraturan dan Disiplin Sekolah**

Aktiviti 3:

- Apakah peraturan sekolah dan bilik darjah?
- Apakah cara yang digunakan supaya murid tahu akan peraturan-peraturan tersebut?
- Buat pemerhatian bagaimana ianya ditangani di sekolah.

TUGASAN MOS
(2. Kemahiran Mengajar Dan Pengurusan)

- **A. Pengurusan Bilik Darjah**

Aktiviti 4:

- Buat pemerhatian pengajaran dua orang guru yang berbeza. Seorang guru mengajar subjek major anda dan seorang lagi mengajar mata pelajaran yang lain. Perhatikan cara guru memberi tugasan sama ada secara kelas atau dalam kumpulan-kumpulan kecil. Jawab soalan-soalan berikut:

TUGASAN MOS
(2. Kemahiran Mengajar Dan Pengurusan)

- Bagaimanakah murid memberi tumpuan?
- Bagaimanakah penglibatan murid dalam perbincangan?
- Bagaimanakah guru memberikan penekanan dalam pengajaran?
- Adakah sesuatu arahan itu diberi dengan jelas? Terangkan.
- Bagaimanakah arahan diberikan kepada murid supaya menjalankan tugas dengan efektif?

TUGASAN MOS
(2. Kemahiran Mengajar Dan Pengurusan)

- Bagaimanakah cara guru mengendalikan masalah disiplin dan keadaan semasa murid telah siap tugasan/tidak ada tugasan?
- Bagaimanakah guru menguruskan murid dari satu aktiviti kepada aktiviti yang lain?
- Bagaimanakah guru menyediakan murid supaya menyiapkan tugasan yang diberi?
- Bagaimanakah guru menamatkan pengajaran?

TUGASAN MOS
(2. Kemahiran Mengajar Dan Pengurusan)

B. Kemahiran mengajar dan Strategi Pengajaran

Aktiviti 5:

- Berdasarkan pemerhatian guru-guru tadi jawab soalan-soalan yang berikut dengan menyatakan dalam bentuk ***'bullet points'***:
- Kemahiran Profesional dan kemahiran Mengajar
- Penggunaan soalan, memberi penerangan, pergerakan penyampaian dalam pengajaran, penggunaan alatan, respons kepada kerja murid, penggunaan suara dan '*eye contact*', pergerakan badan

TUGASAN MOS
(2. Kemahiran Mengajar Dan Pengurusan)

Aktiviti 6:

- Hasil dari pemerhatian anda, terangkan dengan ringkas apakah kekuatan dan kelemahan, persamaan dan kelainan yang terdapat dalam dua situasi tersebut. Nyatakan apa yang anda dapat pelajari daripadanya.

TUGASAN MOS
(3. Kemudahan Fizikal Dan Peralatan)

- Buat lawatan di sekolah dan perhatikan apakah kemudahan dan alatan yang disediakan bagi kegunaan guru dan murid yang boleh menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Berikan cadangan bagaimana ianya boleh digunakan semaksimanya. Apakah kemudahan dan alatan yang anda rasa perlu ada di sekolah itu tetapi belum diwujudkan. Buat nota ringkas.

TUGASAN MOS
(REFLEKSI - ESEI 1000 PERKATAAN)

- ‘Apakah faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada pengajaran berkesan dan seterusnya mendorong murid untuk belajar dengan baik’

TUGASAN MOS
(Portfolio + Esei Refleksi)

Portfolio (kandungan):

- Surat BPG
- Garis Panduan MOS
- Jawapan aktiviti 1 (maklumat/data)
- Jawapan aktiviti 2 (Pelan dua bilik darjah) dan jawapan bagi setiap soalan 1-6.
- Jawapan soalan aktiviti 3
- Jawapan aktiviti 4 (pemerhatian pengajaran) - Soalan 1 - 9.
- Jawapan soalan aktiviti 5
- Jawapan aktiviti 6
- Jadual bagi bahagian 3 - Kemudahan Fizikal dan Peralatan

Portfolio

- Kursus
- MOS
- Nama Dan Alamat Sekolah
- Nama
- No. Kad Pengenalan
- Nama Pemeriksa (Pensyarah Major)
- Tarikh Serahan Portfolio

Esei Refleksi (1000 perkataan)

- Kursus
- MOS
- Nama dan Alamat Sekolah
- Nama
- No. Kad Pengenalan
- Nama Pemeriksa (Pensyarah Major)
- Tarikh Serahan

http://praktikum-ipgmksah.blogspot.com

Email: praktikumksah@gmail.com

SEMUA SURAT MENYURAT BERHUBUNG DENGAN PRAKTIKUM HENDAKLAH DIALAMATKAN KEPADA :

PENGARAH
INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS SULTAN ABDUL HALIM
08000 SUNGAI PETANI,
KEDAH.
(U.P.: KETUA UNIT PRAKTIKUM)

Sekian!

- Selamat menjalani MOS.
- Pertanyaan:

  Tel Institut: 04-4218621/2 sambungan 221 (KU Praktikum).
- No.Fax : 04-4218582